

31/07/1997

MBM kesal sikap Albright

KUALA LUMPUR, Rabu - Majlis Belia Malaysia (MBM) kesal dengan sikap Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Madeleine Albright yang mengetepikan kritikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap Barat.

Presidennya, Datuk Suhaimi Ibrahim, berkata kenyataan Albright bahawa pandangan Perdana Menteri tidak mencerminkan kepemimpinan generasi muda negara Asean adalah tidak benar.

"Dalam perjumpaan saya dengan pemimpin muda Asean, mereka jelas kagum dengan kepemimpinan Perdana Menteri sehingga mereka melantik wakil Malaysia dalam Perhimpunan Belia Dunia (WAY).

"Sehubungan itu, MBM akan menghantar nota bantahan ke Pejabat Setiausaha Negara secepat mungkin," katanya sebagai mengulas kenyataan Albright semalam di Singapura.

(END)